



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI**
JALAN PERSIARAN PUTRA, KUAH,
07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN
NO. SEBUT HARGA : PDL/SH/01/2024

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri Kedah (**iDAFTAR/iPerolehan**), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) dan agensi terlibat dalam **Gred G1, Dibawah Kod Bidang 221001 (Pembersihan Bangunan dan Pejabat) dan 221002 (Pembersihan Kawasan)** bertaraf Bumiputera serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini bagi kerja berikut:-

TAJUK KERJA : PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI SERTA KAWASAN PERSEKITARAN DI KOMPLEKS PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI DAN KEDIAMAN RASMI PEGAWAI DAERAH LANGKAWI BAGI TEMPOH 01 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2026

HARGA DOKUMEN : RM 10.00 senaskah. BAYARAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN

TARIKH IKLAN : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN) **TARIKH JUAL**: 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

TARIKH TAKLIMAT : 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN) **WAJIB HADIR**

TARIKH TUTUP : 24 NOVEMBER 2024 (AHAD), JAM 9.00 PAGI

2. Kontraktor/Syarikat yang berminat, hendaklah membuat **PERAKUAN menyertai Sebut Harga di Sistem iDAFTAR/iPerolehan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian** mengikut No. Sebut Harga berjumlah **RM10.00 senaskah** sebelum dokumen *softcopy* Sebut Harga dikemukakan kepada Kontraktor/Syarikat. Urusan **penjualan** Dokumen Sebut Harga dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.

3. Kontraktor/Syarikat dikehendaki menyemak No Siri Kawalan Dokumen yang diberikan melalui Sistem iDAFTAR/iPerolehan dan melengkapkan No Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen Sebut Harga pada ruangan kotak yang disediakan. Kegagalan ini, boleh mengakibatkan dokumen ditolak.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dicatatkan No Sebut Harga : PDL/SH/01/2024 pada sebelah atas kiri sampul dengan terang dan jelas dan dimasukkan terus ke dalam peti Sebut Harga yang disediakan di pejabat :-

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI
JALAN PERSIARAN PUTRA, KUAH,
07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN
(RUANG LEGAR, ARAS BAWAH,
PEJABAT DAERAH LANGKAWI)



5. Kontraktor/Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier untuk penghantaran dokumen sebut harga. Kontraktor/Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Jabatan dengan ajen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen Kontraktor/Syarikat.

6. Sila pastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN (90hari)** dari tarikh tutup Sebut Harga. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki oleh tuan-tuan.

7. **PIHAK KERAJAAN** tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan, hubungi urusetia perolehan di talian **04-7029228/9321**.

(**MOHAMAD SUBHI BIN ABDULLAH.,AMK.,BCK**)

Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi
Kedah Darul Aman

Tarikh : 10 November 2024